

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 12 Julai 2016 16:41
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: ATM TERPAUT DENGAN KEDAMAIAN DI RIMBA HIJAU



12 JULAI 2016 / 07 SYAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

ATM TERPAUT DENGAN KEDAMAIAN DI RIMBA HIJAU



ANJUNG TAMU ONLINE: Terletak bersebelahan dengan pintu masuk utama dan berhampiran dengan Bulatan Masa UUM, Welcome Centre makin memberi kesan dan memori menyeronokkan bagi tetamu dan pelancong yang datang ke kampus nan hijau.

Di sini, selain maklumat sejarah, kepimpinan, tempat yang boleh dilawati, turut disediakan juga tandas awam, surau, laman santai, loteng bacaan, galeri, *gift shop*, kaunter informasi serta Bilik Mesyuarat Eksekutif.

Dalam konteks ini, ATM atau Angkatan Tentera Malaysia juga telah mula mendekati UUM Welcome Centre dengan mengadakan mesyuarat mengenai beberapa eksekutif yang bakal diadakan. Di samping eksekutif, ATM sentiasa berusaha meningkatkan tahap kesiagaannya dengan melengkapkan peralatan sofistikated dan berteknologi tinggi demi keselamatan negara.

Terdahulu, delegasi telah mengadakan tinjauan tempat dan Bilik Mesyuarat Eksekutif (BME) Welcome Centre ternyata memberi sentuhan kelainan atmosfera kepada delegasi untuk diadakan mesyuarat.

Selain menikmati kedamaian dan kehijauan alam semula jadi, fasiliti yang serba moden dilengkapi di BME telah memberi impak kepada delegasi ATM yang diketuai Lt.Kol. Izham Darus bersama delegasi lain.

Mana tidaknya, dengan pemandangan yang indah di selang seli dengan kicauan burung sudah pasti membuka minda ahli mesyuarat dengan lontaran idea dan strategi mantap.

Umum menyedari, ATM mempunyai modal insan profesional yang mampu menghadapi pelbagai bentuk ancaman demi mempertahankan kedaulatan negara.

Terima kasih kepada delegasi ATM yang sudi Discover UUM.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

